

Majlis Penghargaan sempena Karnival Bahasa Arab



ANTARA penerima hadiah dan sijil pada majlis tersebut ialah cucunda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkliah iaitu Yang Mulia Pengiran Qaiyimah Nurul Bolkliah binti Pengiran Haji Mohd. Hakimmuddin (atas). Sementara gambar atas kanan, Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Arab Saudi ke Negara Brunei Darussalam hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut.

Berita dan Foto :
Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

GADONG, Sabtu, 19 Disember. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menerusi Fakulti Bahasa Arab dengan kerjasama Kedutaan Besar Arab Saudi di Negara Brunei Darussalam (NBD) mengadakan Majlis Penghargaan dan Penyampaian Sijil serta Hadiah bagi acara Karnival Bahasa Arab sempena Sambutan Hari Bahasa Arab Sedunia yang diadakan di Dewan Auditorium UNISSA.

Acara yang merupakan tajaan Kedutaan Besar Arab Saudi di NBD ini diadakan selama lebih dua bulan bermula pada 5 Oktober

dan berakhir hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Arab Saudi ke NBD, Tuan Yang Terutama Emad bin Abdul Aziz bin Saad Al Muhanna dan juga hadir ialah Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Sebanyak 12 jenis pertandingan dibukakan kepada lebih 60 institusi pendidikan dan persatuan termasuk Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Teknologi Brunei (UTB), Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri



Begawan (KUPU SB), Persatuan Bahasa Arab Brunei, Rabithah Alumni Al-Azhar Cawangan Brunei, sekolah-sekolah Arab, Mahad Tahfiz, sekolah-sekolah agama dan menengah dan orang perseorangan yang berminat.

Menurut pihak penganjur kerjasama berkenaan merupakan kali kedua bersamaan dengan Kedutaan Besar Arab Saudi di negara ini yang menyasarkan objektif bagi mewujudkan persekitaran bahasa Arab yang kondusif di samping membarigakan kepentingan bahasa Arab sebagai bahasa Al-Quran, bahasa ibadat, bahasa ilmu dan bahasa tamadun kepada masyarakat selain untuk mengukuhkan kerjasama yang terjalin.

Di samping itu, melalui kerjasama tersebut ia diharap dapat merealisasikan gagasan Negara Zikir serta visi dan misi UNISSA dengan memartabatkan penggunaan bahasa Arab di

negara ini.

Terdahulu, semasa berucap Penolong Rektor Akademik dan juga Dekan Fakulti Bahasa Arab, UNISSA, Profesor Madya Dr. Siti Sara binti Haji Ahmad berkata bahawa format pertandingan tahun ini agak berbeza dengan sebelumnya di mana jumlah pertandingan yang dibukakan tahun ini agak banyak iaitu 12 jenis pertandingan (36 kategori) serta penyertaan pertandingan pula diadakan menerusi pelbagai cara iaitu dengan penghantaran video dan secara *live*.

Di samping itu, menurut beliau lagi penganjur Webinar Antarabangsa yang melibat kerjasama enam buah institusi iaitu UNISSA, Rabithah Alumni Al-Azhar Cawangan Brunei, Saudi Elektronik University (Saudi Arabia), Tokyo Universiti (Jepun), Prince Songkla University (Thailand), Al-Madinah International University (Malaysia) dan Minadano State

University (Filipina) telah membicarakan tentang 'Pengalaman Institusi Dalam Pengajaran Bahasa Arab Bagi Bagan Penuturnya Secara Jarak Jauh'.

Penyampaian hadiah dan sijil-sijil kepada pemenang disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Antara penerima hadiah dan sijil pada majlis tersebut ialah cucunda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkliah iaitu Yang Mulia Pengiran Qaiyimah Nurul Bolkliah binti Pengiran Haji Mohd. Hakimmuddin mewakili Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha.

Turut hadir pegawai-pegawai utama dan tenaga akademik UNISSA serta pengetua-petua sekolah-sekolah Arab dan Institut Tahfiz Brunei.

Ketahui asas keusahawanan, muamalat



REKTOR UNISSA semasa menyampaian sijil kepada fasilitator dan peserta Kursus Asas Muamalat dan Keusahawanan 2020 (kiri dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 19 Disember. - Majlis Penutup Kursus Asas Muamalat dan Keusahawanan bagi Alumni Universiti Al Azhar (Brunei Darussalam), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) diadakan hari ini bertempat di Dewan Ta'lim, KUPU SB.

Hadir selaku tetamu kehormat dalam majlis penutup tersebut ialah Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Kursus Asas Muamalat dan Keusahawanan 2020 yang diadakan selama enam hari bermula pada 14 hingga 19 Disember tersebut bermatlamat

bagi memberikan pengalaman kepada para peserta alumni mengenai elemen asas dalam budaya keusahawanan dan muamalat serta kepentingannya dalam menjana ekonomi umat Islam.

Selain itu, ia diharapkan untuk membuka peluang para peserta alumni untuk mengetahui lebih lanjut mengenai peluang bidang keusahawanan di Negara Brunei Darussalam dan memberi pendedahan kepada para peserta mengenai perkembangan sektor-sektor kerajaan mahupun swasta di negara ini yang menawarkan pelbagai program keusahawanan.

Acara dimulakan dengan bacaan



Surah Al-Fatihah diketuai oleh Alumni Universiti Al-Azhar (Brunei Darussalam), Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin. Kemudian acara diteruskan dengan bacaan Asmaul Husna dan diselajarkan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' beramai-ramai.

Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Kursus Asas Muamalat dan Keusahawanan bagi Alumni Universiti Al-Azhar (Brunei Darussalam), UNISSA dan KUPU SB, Dr. Lily Suzana binti Haji Shamsu dalam ucapan alu-aluan beliau, menjelaskan bahawa dunia

keusahawanan merupakan suatu pekerjaan yang terpuji kerana ia bukan hanya bertujuan memajukan ekonomi keluarga dan negara bahkan menjadi medan utama untuk menjadi seorang yang mampu diri (*self-sufficient*) dan menahan atau mengelakkan seseorang daripada perbuatan meminta-minta.

Dr. Lily Suzana seterusnya menyatakan bahawa harapan agar melalui peluang-peluang yang diberikan sepanjang kursus tersebut termasuk lawatan ke tapak-tapak perusahaan pertanian dan perikanan, pembentangan projek, perkongsian pengusaha berjaya dan terbentuknya jaringan perkenalan para peserta alumni

Siaran Akhbar dan Foto :
Kolej Universiti Perguruan
Ugama Seri Begawan

dengan pihak-pihak yang berkepentingan. Ketika sesi taklimat dan lawatan dalam kursus tersebut dapat memberikan inspirasi dan perspektif berharga khususnya dalam dunia keusahawanan bagi para peserta alumni dan seterusnya mengenal pasti kompetensi diri serta berusaha melakar idea untuk memulakan perniagaan.

Majlis diteruskan dengan ucapan wakil peserta alumni disampaikan oleh alumni Universiti Al-Azhar (Brunei Darussalam), Mohammad Alwendy bin Mohammad Fadillah.

Penyampaian sijil kepada peserta dan fasilitator kursus disempurnakan oleh Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal selaku tetamu kehormat majlis. Seramai 34 alumni daripada ketiga-tiga buah institusi menyertai kursus asas tersebut.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Ra'es Rabithah Antarabangsa Alumni Universiti Al Azhar (Brunei Darussalam), Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yusoff, Pemangku Ra'es KUPU SB, Dr. Haji Abang Hadzmin bin Haji Abang Taha, Pegawai-pegawai Utama UNISSA dan KUPU SB, Ahli-ahli Eksekutif Rabithah, pensyarah - pensyarah dan mahasiswa serta mahasiswi.